



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880962
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (54)

Tarikh : 16 Mei 2011


KENYATAAN MEDIA

PERTUKARAN PEGAWAI KANAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

PUTRAJAYA 16 Mei 2011 – Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM), memaklumkan bahawa seramai 8 orang Penguasa Bomba Gred KB54 akan bertukar berkuatkuasa mulai 1 Jun 2011.

Antara pegawai kanan yang terlibat dalam senarai pertukaran ialah Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (PKPjB) Othman Abdullah, Pengarah JBPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan bertukar sebagai Pengarah JBPM Negeri Selangor manakala Pengarah JBPM Negeri Sabah, PKPjB Khirudin Drahman mengambil tempat Othman. PKPjB Nordin Pauzi dari Ketua Seksyen, Perakuan Keselamatan Bangunan, Bahagian Keselamatan Kebakaran pula akan mengisi kekosongan jawatan sebagai pengarah JBPM Negeri Sabah.

Lain-lain pegawai yang terlibat ialah Komandan, Akademi Bomba Kuala Kubu Bharu, PKPjB Norhisham Mohammad yang bertukar sebagai pengarah JBPM Negeri Sarawak dan tempatnya diambil alih oleh PKPjB



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

Haron Tahir yang sebelum ini menjawat jawatan sebagai pengarah JBPM Negeri Kedah manakala tempat Haron diisi oleh pengarah JBPM Sarawak, PKPjB Ahmad Shahabudin.

Sementara itu, PKPjB Zamri Che Din pula akan bertukar ke Bahagian Operasi dan Penyelamat sebagai Ketua Seksyen Operasi manakala tempat beliau pula akan diisi oleh PKPjB Hamdan Wahid sebagai Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
sobberi_64@bomba.gov.my;